

# Kawasan terbakar berbaki 14 hektar

Pemadaman api secara terus giat dilakukan di Hutan Simpan Kuala Langat Selatan


**KUALALANGAT** - Pemadaman api secara terus kepada punca kebakaran dan kawasan yang berasap di Hutan Simpan Kuala Langat Selatan masih diteruskan bagi mengelakkan ia merebak ke kawasan baharu.

Ketua Balai Bomba dan Penyelamat Banting, Mohd Jaslizad Jalil berkata, baki kebakaran sehingga semalam dianggarkan seluas 14 hektar lagi.

Menurutnya, pihaknya meneruskan penggunaan jengkaut untuk membuat saluran perparitan bagi memisahkan kawasan yang terbakar.

"Kami harap kaedah itu dapat mengalirkan air dari telaga tiub yang dibina.

"Seramai 40 anggota daripada pelbagai agensi termasuk bomba, Unit Pantas MDKL (Majlis Daerah Kuala Langat), Unit Penguatkuasaan Pejabat Tanah dan Daerah, Jabatan Perhutanan Negeri Selangor dan Unit Pengurusan Bencana Negeri Selangor bertungkus-lumus memadamkan api



Anggota bomba dan penyelamat serta agensi terlibat bertungkus-lumus memadamkan kebakaran.

sejak 1 April lalu," katanya.

Mohd Jaslizad berkata, pihaknya terpaksa mendapatkan bantuan bomba dari Balai Bomba dan Penyelamat Sepang, KLIA serta Cyberjaya untuk proses pemadaman kebakaran.

Beliau berkata, sebelum ini faktor

cuaca antara penyumbang berlaku kebakaran selain aktiviti pertanian tanpa kebenaran dan pembakaran terbuka tanpa kawalan.

"Sidang media bersama pengerusi bencana sebelum ini menjangkakan pemadaman api di kawasan terjejas

mengambil masa seminggu atau lebih mengikut keadaan cuaca.

"Bagaimanapun, kami masih mengaktifkan telaga tiub untuk membekalkan air bagi tujuan pemadaman dan pengairan perparitan agar dapat menghalang kebakaran daripada me-

rebak," katanya.

Sebelum ini, kaedah pemadaman kebakaran *water bombing* menggunakan pesawat Bombardier APM-PM dilakukan 10 April lalu, membabitkan 47 bom menggunakan 282,000 liter air untuk memadamkan kebakaran.

## Perlu ambil tahu proses jual beli tanah

**BANTING** - Pembeli tanah perlu meningkatkan kefahaman serta melibatkan diri dalam proses pembelian tanah supaya tidak mudah ditipu.

Pegawai Daerah dan Tanah Kuala Langat, Rosli Othman berkata, pihaknya mengakui ada menerima aduan mengenai penjualan tanah lot di kawasan kampung sehingga mencetuskan persoalan sama ada urusannya dibuat secara sistematik atau tidak termasuk melibatkan pihak berkuasa tanah dan kerajaan negeri atau tanpa pemantauan langsung.

Menurutnya, isu tersebut berlaku di mana-mana namun pembeli perlu mengambil tahu sama ada tanah dibeli mempunyai geran atau tidak, di mana lokasinya kemudian baru boleh meneruskan urusan jual beli.

"Ada segelintir masyarakat terlalu percaya dengan ejen atau pemegang amanah yang memberi pelbagai janji palsu untuk menguruskan penjualan tanah.

"Akhirnya, penjual yang terpaksa tanggung rugi dan barulah mereka datang ke pejabat mahu minta pandangan. Malangnya dah terlambat, kenapa dari awal lagi tak nak



**“Akhirnya, penjual yang terpaksa tanggung rugi dan barulah mereka datang ke pejabat mahu minta pandangan. Malangnya dah terlambat, kenapa dari awal lagi tak nak minta pandangan atau khidmat nasihat daripada kami.”**- Rosli

minta pandangan atau khidmat nasihat kami,” katanya.

Beliau turut berharap isu penjualan tanah lot diberi perhatian serius supaya tiada pihak dianiaya.

Rosli berkata, memang terdapat iklan yang mem-

promosikan penjualan tanah lot dipasang di merata tempat seolah-olah perbuatan tersebut tidak menjadi kesalahan.

Tetapi beliau bimbang jika masyarakat tersilap langkah dan tertipu sehingga menjejaskan kewangan mereka.

“Memanglah mereka jual tanah lot dengan harga murah. Tapi perlu ingat, jika pemilik asal meninggal dunia, ia bakal menyukarkan proses pindah milik atau sebagainya di kemudian hari.

“Paling penting, sebelum mereka jual tanah tu datanglah ke pejabat kami untuk dapatkan khidmat nasihat terlebih dahulu dan bukan memikirkan keuntungan sahaja kerana bakal merugikan jika tersilap jual,” katanya.

Mengulas mengenai isu penjualan tanah bakal menjadikan pembangunan pada masa akan datang tidak dirancang, Rosli mengakui, ia akan terjadi apabila tanah lot dijual secara berleluasa.

Jelasnya, penjualan tanah lot pada masa ini tidak menjadi masalah sekiranya secara sah, tetapi ia memberi kesan pada jangka masa panjang melibatkan perancangan bandar dan pemilikan hak milik.